

**NO. SOALAN: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]**  
**TARIKH : 17 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bagaimana untuk mengatasi masalah kerosakan sembilan buah mesin hemodialisis di Hospital Duchness of Kent di Sandakan**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Duchess of Kent Sandakan mempunyai sejumlah tiga puluh (30) unit mesin hemodialisis, manakala jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan serta perkhidmatan hemodialisis daripada daerah Sandakan dan daerah yang berdekatan adalah berjumlah seratus dua puluh (120) dan sebanyak tiga (3) sesi rawatan sehari dikendalikan oleh pihak hospital. Buat masa ini, bilangan mesin hemodialisis di Hospital Duchess of Kent Sandakan adalah mencukupi. Walaubagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mempertimbangkan untuk menambah unit

mesin hemodialisis sekiranya terdapat keperluan bagi menampung pertambahan bilangan pesakit pada masa hadapan.